

# Perjanjian persefahaman dengan UMS disyorkan

KOTA KINABALU: System Protection dan Maintenance (SS) Sdn Bhd bercadang mengadakan perjanjian persefahaman dengan Universiti Malaysia Sabah, dalam bidang pengurusan dan kejuruteraan instrumentasi.

Firma itu dalam kenyataan melalui pengerusinya, Ir Mohd Zaini Abdullah yang dikeluarkan di sini kelmarin, memberitahu perjanjian persefahaman itu bertujuan inewujudkan program latihan berhubung kaedah penguru-

san penyenggaraan dan kejuruteraan insturmentasi yang mengandungi dua fasa.

Kenyatannya berkata, antara fasa pertama perjanjian itu ialah; O SPM (SS) akan bekerjasama dengan UMS bagi mengadakan piawaian kepakaran dan penyenggaraan.

O Mengadakan program latihan kejuruteraan instrumentasi dan penyenggaraan bagi kawasan negeri Sabah termasuk kawasan BIMP-EAGA Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina-East-Asia Growth Area).

SPM (SS) merupakan sebuah firma Bumiputera berdaftar yang dipengerusikan oleh warga tempatan (Ir Mohd Zaini Abdullah), yang ditubuhkan Ogos 1984 lepas.

Firma tersebut mempunyai kepakaran dalam bidang jana-kuasa elektrik, minyak dan gas, industri sederhana dan ringan serta industri telekomunikasi.

Kini firma itu sedang mengadakan operasinya di seluruh negara dan telah didaftarkan kepada Jabatan Elektrik sebagai

kontraktor elektrik kelas A.

Selain itu, firma juga telah didaftarkan kepada Jabatan kerja Raya, Lembaga Letrik Sabah, Kementerian Kewangan Malaysia melalui anak syarikatnya Petronas, Lapangan Terbang Berhad, Produk Baja Asian bintul Sdn Bhd dan banyak lagi.

Menurut kenyataan itu, perjanjian yang dalam perancangan, secara langsung akan membantu mempertingkatkan bidang kejuruteraan insturmentasi di Malaysia.